BAHAGIAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
TINGKAT 12–14, BANGUNGAN BANK PERTANIAN,
LEBOH PASAR BESAR,
KUALA LUMPUR.

Telefon: 922066
Kawat: 'PELAJARAN'

Ruj. Fail: KP.8591/(95)

21hb. Ogos, 1982.

Semua Pengarah,
Jabatan Pelajaran Negeri.

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1982 —
Kempen Anti Dengi Di Sekolah-Sekolah

Demam Denggi dan Demam Denggi Berdarah, adalah satu jenis penyakit yang merbahaya yang sedang menular di negara kita sekarang ini. Dari perangkaan yang diperolehi dari Kementerian Kesihatan, ternyata bahawa penyakit ini paling banyak berlaku di kalangan kumpulan umur kanak-kanak sekolah. Kita adalah dikehendaki untuk membantu usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan serta agensi-agensi lain bagi mengawal penyakit ini.

2. Semua pihak sama ada di Jabatan Pelajaran Negeri, daerah, atau sekolah dikehendaki untuk memainkan Peranan yang positif dalam usaha-usaha pencegahan dan pengawalan penyakit ini.

3. Perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian dan tindakan :

a. Membersihkan Kawasan-Kawasan Sekolah, Asrama dan Persekitarannya

i) Semua bekas-bekas yang boleh menakung air seperti tin, botol dan tayar lama yang boleh membiakkan nyamuk aedes hendaklah dimusnahkan/dihapuskan.

b) Membunuh Nyamuk Aedes dan Mencegah Pembiakannya

i) Bangunan-bangunan sekolah, asrama dan kawasan-kawasan sekitarnya, perlu disembur dengan ubat racun serangga, sama ada dengan usaha sendiri atau mendapatkan kerjasama dari Jabatan Kesihatan atau Majlis Tempatan.

ii) Bekas/tempat-tempat takungan air seperti kolam dan pasu bunga perlu selalu diganti airnya atau dimasukkan ubat jentik-jentik seperti 'abate' ke dalamnya.

c) Merujuk Kes-Kes yang Disyaki Kepada Pihak-Pihak Tertentu (Pegawai Perubatan)

Sekiranya ada tanda-tanda yang boleh disyaki seperti kenaikan suhu badan dengan serta merta, sakit kepala yang keterlaluan, sakit di bahagian otot-otot dan sendi, hilang nafsu makan, muntah-muntah, timbulnya ruam atau kemungkinan berdarah dan mengejut (shock), hendaklah dirujukkan dengan segara kepada Pegawai Perubatan.

d) Menegaskan Usaha-Usaha Pendidikan Mengenai Penyakit Denggi Samada Secara Formal atau tidak

i) Menerangkan tentang penyakit ini di bilik darjah.

ii) Mengadakan majlis ceramah kepada murid-murid dan kakitangan sekolah.

iii) Mengelolakan majlis dialog/perbincangan dengan kakitangan kesihatan serta pihak-pihak lain yang berkenaan.

iv) Mengadakan pameran dan tunjuk ajar mengenai pencegahan dan pengawalan penyakit denggi.

e) Menggalakkan penyertaan dan penglibatan Masyarakat serta bekerjasama dengan agensi-agensi lain bagi usaha-usaha pencegahan dan pengawalan penyakit ini

Dalam usaha-usaha untuk kempen ini pihak Jabatan Pelajaran Negeri/Daerah/Sekolah hendaklah seboleh-bolehnya melibatkan penyertaan Persatuan Ibubapa dan Guru-Guru dan/atau masyarakat tempatan. Begitu juga sebaliknya pihak Jabatan Pelajaran Negeri/Daerah/Sekolah boleh menyertai dan bekerjasama dalam usaha-usaha yang dilakukan oleh masyarakat tempatan/jabatan/agensi tertentu.

4. Sila maklumkan kandungan surat pekeliling ini serta penerangan yang dilampirkan bersama-sama kepada semua kakitangan di Jabatan Pelajaran Negeri/Daerah/Sekolah dan mengambil tindakan susul yang sewajarnya.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI IDRIS BIN HAJI TAIN)
Bahagian Sekolah-Sekolah,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran Malaysia.

s.k.

(1) Setiausaha Sulit Kepada
Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia.

(2) Setiausaha Sulit Kepada,
Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran

(3) Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran.

(4) Ketua Pengarah Pelajaran,
Kementerian Pelajaran.

(5) Timbalan Ketua Setiausaha I,
Kementerian Pelajaran.

(6) Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran I,
Kementerian Pelajaran.

(7) Timbalan Setiausaha II,
Kementerian Pelajaran.

(8) Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran II,
Kementerian Pelajaran.

(9) Ketua-Ketua Bahagian,
Kementerian Pelajaran.

-/N.